

VIII

KESIMPULAN

Kesedaran oleh kaum perempuan mengenai hak dan tanggung-tanggung mereka untuk mendapat pertolongan dari mahkamah Kadi menyebabkan peranan mahkamah Kadi akan lebeh penting. Kebanyakan mereka sudah tidak segan-segan lagi untuk pergi ke mahkamah jika mereka merasa mereka dianiayai. Ini mungkin disebabkan oleh wujudnya pengaruh pertubuhan-pertubuhan kaum wanita yang selalu melaungkan diberi hak yang sama kepada mereka. Disamping itu, mahkamah Kadi adalah "bersikap menulung" kepada wanita sehingga ada yang berpendapat bahawa mahkamah Kadi adalah mahkamah untuk wanita. Oleh kerana amalan undang-undang di-Perlis berdasarkan Quran dan Sunnah, maka kuasa atau "scope" untuk menulung mereka adalah lebeh luas, jika dibandingkan dengan amalan-amalan yang hanya mengikuti satu Mazhab tertentu sahaja. Oleh kerana Mahkamah bersifat menulung, maka janganlah ada pula diantara mereka yang mengambil peluang ini untuk kepentingan diri mereka sahaja. Kepentingan-kepentingan orang-orang lain terutamanya kanak-kanak haruslah diberi perhatian yang mendalam sebelum mengambil sesuatu tindakan.

Setakat ini, mahkamah dapat menguasai dan mengatasi segala kes-kes yang dibicarakan. Tidak ada tangguhan perbicaraan yang begitu

lama dibuat. Hanya keadaan yang tidak memuaskan mengenai peranan Jawatankuasa Rayuan. Oleh itu, Jawatan ini hendaklah disusun semula. Satu cara yang boleh dibuat ialah dengan melantek pegawai-pegawai yang berkelayakan yang terdiri dari bekas-bekas Kadi sahaja untuk menganggotai jawatankuasa itu. Oleh kerana kurangnya orang-orang yang berkelayakan begitu di Perlis (dan mungkin juga di negeri lain) jadi eloklah rasanya jika dibentuk satu "Jawatankuasa Rayuan Kebangsaan" untuk semua negeri di Malaysia Barat. Katakanlah sebuah jawatankuasa yang dicadangkan itu mengandungi seramai tujuh orang ahli, yang terdiri dari bekas-bekas Kadi atau Kadi Besar dari mana-mana negeri. Mufti negeri yang mengadakan perbincangan itu dilantek menjadi pengerusi secara otomatik. Dalam satu perbincangan, hanya tiga orang kadi (ahli) yang akan mendengar perbincangan itu, dua dari Jawatankuasa Rayuan Kebangsaan dan seorang Mufti. Rayuan dari keputusan itu boleh dibuat kepada Raja atau Sultan negeri dimana kes itu dibicarakan.

Dengan mengadakan jawatankuasa rayuan seperti ini, maka kita akan dapat sebuah jawatankuasa yang lebih mahir dari segi teori dan juga praktik, dari Kadi yang membicarakan kes itu. Ini akan menyakinkan orang ramai terhadap peranan jawatankuasa rayuan khasnya dan badan kehakiman Syariah amnya. Juga badan kehakiman akan mencapai taraf yang tinggi. Disamping itu, kursus-kursus intensif boleh diberi kepada ahli-ahli jawatankuasa tersebut, terutamanya mengenai secara mahkamah.

Satu masalah yang timbul dari cadangan ini ialah ahli-ahli jawatankuasa rayuan itu mestilah dilantik oleh Raja atau Sultan yang berkenaan. Walau bagaimanapun, jika dipandang dari segi praktiknya,

selalunya ahli-ahli ini dilantik oleh Majlis dan Raja hanya mengesahkan-nya sahaja. Oleh yang demikian, apa yang boleh dibuat ialah ahli-ahli jawatankuasa itu ~~itu~~ dilantik oleh Majlis Ugama Islam Kebangsaan dan meminta Raja atau Sultan negeri-negeri yang terlibat mengesahkannya.

Satu lagi masalah yang dihadapi oleh Majlis ialah masalah kewangan dan mengadakan pegawai-pegawai yang berkelayakan. Dua faktor inilah yang menyebabkan Majlis tidak dapat memainkan peranan yang diberi dengan memuaskan. Walaupun Majlis boleh meminjam wang atau modal dari badan-badan tertentu, tetapi langkah seterusnya ialah mendapatkan pegawai-pegawai yang berkelayakan untuk melaksanakan projek-projek keatas tanah Baitul Mal. Majlis tidak dapat mengadakan pegawai-pegawainya sendiri kerana ini tidak akan mendatangkan keuntungan kepada Majlis. Ini kerana harta Baitul Mal itu tidak begitu banyak dan juga Majlis bukanlah satu badan yang berbentuk orientasi perniagaan. Pelaksanaan projek ini hanyalah satu tugas sambilan sahaja kepada Majlis.

Oleh itu satu cara yang dapat dijalankan untuk membaiki keadaan ini ialah dengan membiarkan kerajaan pusat mengambilalih tugas-tugas Majlis negeri. Dengan berbuat demikian, Kerajaan Pusat boleh menyediakan satu jawatankuasa kerja yang lengkap bagi menjalankan kerja-kerja tersebut bagi tiap-tiap negeri. Langkah ini akan menguntungkan kerana dengan hanya mengadakan satu badan sahaja untuk semua negeri, maka faktor pengeluarannya akan bersifat kos tetap. Faktor pengeluaran ini akan dapat digunakan keperingkat maxima dan nilai kos tetap dalam satu unit keluaran adalah kecil.

Untuk membiarkan kerajaan pusat mengambilalih tanggung-jawab Majlis, satu perkara yang rumit terpaksa diatasi. Perkara 3(2), 11(4) dan Jadual Kesembilan, Perlembagaan Malaysia mengatakan bahawa perkara-perkara mengenai agama Islam terletak dibawah bidangkuasa kerajaan negeri. Hanya dengan kebenaran Majlis Raja-Raja sahaja baharu perkara ini boleh dilakukan. Ini satu perkara yang sukar dilakukan. Satu perkara yang boleh dibuat ialah dengan mengadakan satu Jabatan Agama sahaja yang dikenali sebagai "Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kebangsaan". Dengan berbuat demikian, kita tidak mengubah apa-apa kuasa Raja atau Sultan sebagai ketua agama Islam bagi negeri-negeri masing-masing. Raja atau Sultan berkuasa melantik ahli-ahli Majlis masing-masing bagi negerinya, dan perkara-perkara mengenai Hukum Syarak dan Adat Istiadat Melayu masih didalam kekuasaan Pemerintah negeri. Yang dipegang oleh Kerajaan Pusat hanyalah cara pelaksanaan perkara-perkara itu sahaja.

Disamping itu, dengan hanya mengadakan satu badan pelaksanaan sahaja, kita dapat mengadakan satu badan yang lengkap dan lebih murah dari segi perbelanjaannya jika dibandingkan dengan mengadakan beberapa badan (jabatan) tetapi tidak lengkap. Mengenai pentadbiran, jika diteliti, tiap-tiap negeri mempunyai Enakmennya sendiri bagi pentadbiran Agama Islam. Satu perkara yang menyenangkan ialah tiap-tiap Enakmen ini pada dasarnya sama sahaja.¹ Dengan menubuhkan satu Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kebang-

¹Ahmad Ibrahim, Prof., n.16, m.s.196.

saan bagi semua negeri, pentadbiran perkara-perkara mengenai ugama Islam dapat dijalankan dengan lebeh baik lagi.

Ada beberapa kemuskilan untuk memperbaiki undang-undang Islam. Pada dasarnya hak membuat undang-undang bukan hak pemerintah. Prinsip undang-undang Islam didapati dari Quran dan Sunnah. Jadi hak membuat undang-undang adalah kepada Allah. Disamping itu nas didalam Quran dan Sunnah boleh diubahsuaikan oleh "Ulama" dan bukan kerajaan. Apa yang dilakukan sekarang ini ialah undang-undang Islam yang diamalkan bukanlah undang-undang Islam tulen, tetapi ianya diubahsuaikan dengan adat Melayu. Umpamanya kesalahan zina dan jenayah, hukuman yang dikenakan ialah denda atau penjara. Hukuman yang sebenarnya mengikut undang-undang Islam tidak diamalkan. Disamping itu, Raja Pemerintah atau kerajaan negeri diberi kuasa membuat peraturan-peraturan tertentu. Umpamanya bila hendak berkahwin diperlukan pihak-pihak yang berkenaan mengisi borang. Oleh itu, satu cara ubahsuai yang boleh dibuat oleh kerajaan negeri ialah dengan membuat peraturan-peraturan, misalnya mengenai umur minima untuk berkahwin.
